

*Tarikh Dibaca: 27 Ogos 2021M / 18 Muharram 1443H*



# **KHUTBAH JUMAAT**

*Tajuk:*

**“MALAYSIA PRIHATIN”**

\*\*\*

*Terbitan:  
Unit Khutbah  
Bahagian Pengurusan Masjid  
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR*



## "MALAYSIA PRIHATIN"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلٍ: يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُم مِّن ذَكَرٍ وَأُنثَىٰ  
وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقْرَبُكُمْ<sup>١</sup>

إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ حَبِيرٌ<sup>١</sup>

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً  
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى ءَالِهِ  
وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أُوصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ  
اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا

وَأَنْتُمُ مُسْلِمُونَ<sup>٢</sup><sup>٢</sup>

**Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,**

Saya berpesan kepada diri saya dan hadirin jemaah sekalian marilah bersama-sama kita memperkasakan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita dapat mengecapi kebahagian didunia dan diakhirat.

Khutbah pada hari ini akan membicarakan tajuk "**"MALAYSIA PRIHATIN."**"

<sup>1</sup> Al-Hujurat : 13.

<sup>2</sup> Ali Imran : 102.



## Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah,

Dalam beberapa hari lagi, negara kita akan menyambut Hari Kemerdekaan kali ke-64. Oleh itu, mimbar pada hari ini mengambil kesempatan untuk mengucapkan selamat menyambut Hari Kemerdekaan kepada rakyat Malaysia dengan tema bulan kemerdekaan '**Malaysia Prihatin**'. Prihatin bermaksud mengambil berat dengan memberi perhatian serta cakna terhadap sesuatu perkara. Manakala, tema Malaysia Prihatin membawa maksud kebersamaan rakyat Malaysia, berganding bahu memerangi dan melawan pandemik Covid-19 tanpa mengira status ideologi politik. Begitu juga, setiap daripada lapisan masyarakat dan individu, sama ada kerajaan dan pembangkang, penjawat awam mahupun sektor swasta perlu menterjemahkan solidariti meraikan Hari kebangsaan dengan bersatu padu melawan pandemik Covid-19. Mengambil semangat slogan Malaysia Prihatin perlu disemarakkan dalam sanubari rakyat Malaysia bagi mengukuhkan asas perpaduan dan kesejahteraan negara. Ini selari dengan ajaran yang dibawa oleh Nabi SAW yang menekankan keamanan sejagat dan keharmonian masyarakat bermula di Kota Madinah agar semua manusia dapat menjalani kehidupan dengan aman dan damai. Ini berasaskan kepada kejadian manusia yang tercipta dari pelbagai etnik, bangsa dan keturunan. Hakikatnya, ini merupakan fitrah kehidupan yang perlu diterima oleh setiap insan.

Firman Allah SWT di dalam surah al-Hujurat ayat 13:

يَأَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُم مِّنْ ذَكَرٍ وَأُنثَى وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَآئِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقْدِيرُهُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ حَمِيرٌ



"Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih bertakwa di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam PengetahuanNya (akan keadaan dan amalan kamu)."

**Hadirin yang dirahmati Allah,**

Selama 64 tahun kita mengecapi nikmat kemerdekaan dan keamanan. Marilah kita mengucapkan syukur di atas anugerah Allah yang tiada bandingannya. Bersesuaian dengan tema kemerdekaan, sebagai rakyat Malaysia sikap dan semangat prihatin dapat direalisasikan dengan sokongan dan bantuan yang dapat kita salurkan kepada masyarakat. Selain itu, usaha yang dilakukan dengan tidak berbelah bahagi untuk membangunkan negara semenjak mengalami pandemik Covid-19. Ia merupakan tuntutan di dalam ajaran Islam yang mementingkan sikap prihatin cintakan negara, masyarakat dan persekitaran. Ia selari dengan sikap Rasulullah SAW yang prihatin dan mencintai kota Mekah tempat asal kelahiran baginda SAW.

Sebuah hadis daripada Ibnu Abbas Radiallahu'anhuma bahawa Rasulullah SAW pernah menzahirkan ungkapan kepada Mekah sebagaimana berikut:

مَا أَطْيَبَكِ مِنْ بَلِّدٍ، وَأَحَبَّكِ إِلَيَّ، وَلَوْلَا أَنَّ قَوْمِي  
أَخْرَجُونِي مِنْكِ مَا سَكَنْتُ غَيْرَكِ



*"Alangkah baiknya dirimu wahai Mekah dan betapa cintanya diriku terhadapmu, seandainya kaumku tidak mengeluarkanku daripadamu, nescaya tidak menjadi tempat tinggalku selain daripadamu."*

*(Riwayat al-Tirmidzi).*

Sesungguhnya tanpa perasaan cinta dan prihatin terhadap tanah air, banyak perkara buruk akan berlaku dan tidak akan ada keinginan untuk menyumbang dan membela kedaulatan negara. Oleh itu, semua rakyat perlu menunjukkan sikap toleransi untuk bersama-sama berhadapan dengan situasi sukar dengan menghulurkan bantuan dan sokongan mengikut kadar kemampuan kepada negara maupun masyarakat.

Hadis daripada Ibnu Umar Radiallahu'anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

**أَحَبُّ النَّاسِ إِلَى اللَّهِ أَنَفَعُهُمْ لِلنَّاسِ**

*"Manusia yang paling dicintai oleh Allah adalah yang paling bermanfaat bagi manusia."*

*(Riwayat al-Tabrani).*

### **Muslimin sekalian,**

Realitinya, penekanan semangat Malaysia Prihatin dalam slogan sambutan hari kemerdekaan kali ini betapa pentingnya keamanan dan keharmonian. Ini kerana, keamanan adalah anugerah dan nikmat Allah yang tinggi nilainya kepada kehidupan manusia. Setiap rakyat Malaysia perlu menyuburkan nilai kerjasama erat yang dapat menyumbang ke arah keamanan dan keharmonian negara. Dalam aspek keamanan, adalah menjadi tanggungjawab kepada pemimpin untuk terus memastikan keamanan dan keharmonian dapat terus dipelihara. Ia merujuk kepada kestabilan politik, keyakinan dan harapan rakyat untuk melihat negara



terus diterajui oleh kepimpinan yang konsisten membantu meringankan beban rakyat dan berintegriti.

Sebuah hadis daripada Abdullah bin Umar Radiallahu'anhu bersabda:

أَلَا كُلُّكُمْ رَاعٍ وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ فَالْإِمَامُ الَّذِي  
عَلَى النَّاسِ رَاعٍ وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ

*"Setiap kalian adalah pemimpin, dan setiap pemimpin akan dipertanggungjawabkan atas apa yang dipimpinnya. Imam adalah pemimpin yang akan dipertanggungjawab atas rakyatnya."*

*(Riwayat al-Bukhari).*

Sebagai rakyat yang mendukung prinsip kedaulatan undang-undang kita mengharapkan keamanan dan keharmonian yang dikecapi hari ini terus terpelihara daripada pergolakan dan perbalahan. Justeru, pemimpin dan rakyat hendaklah sama-sama berganding bahu memastikan negara sentiasa aman, harmoni dan selamat bukan sahaja daripada perpecahan dan pergolakan malah daripada cengkaman pandemik Covid-19.

### **Hadirin sekalian,**

Tidak dinafikan cabaran negara dalam mendepani tahun-tahun yang mendatang adalah dalam situasi yang amat sukar akibat kesan pandemik Covid-19 ini. Cabaran terhadap persekitaran dan pembangunan negara dari sudut ekonomi, sosial dan keselamatan juga amat besar. Bahkan lebih terkesan lagi dari sudut kesihatan jasmani, jiwa dan mental rakyat negara ini. Namun, kita perlu istiqamah dan bertekad untuk menangani krisis dan melawan Covid-19 ibarat bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat. Setiap masyarakat perlu sedar kejayaan dalam perjuangan menentang dan menghapuskan pendemik Covid-19 hanya



akan berakhir sekiranya semua pihak mempunyai tahap keprihatinan yang tinggi untuk memeranginya. Jika ini mampu ditampilkan menerusi kesedaran dan kepekaan terhadap wabak ini, maka tidak mustahil kita dapat mengharungi hari-hari yang mendatang dengan kekuatan mental, jasmani dan rohani. Biarpun belum berjaya sepenuhnya namun kita sangat mengimpikan sepetimana kehidupan masa lalu secara normal. Inilah ujian hidup yang ditentukan oleh Allah untuk kita. Kita akan terus berbaik sangka dengan Allah. Dia akan mengurniakan penyembuh, melapangkan dan memberi kemenangan disebalik setiap takdir-Nya. Bahkan apabila Allah yang Maha Penyayang telah menentukan takdir-Nya maka kita perlu yakin bahawa kasih sayang-Nya mendahului kemurkaan-Nya.

### **Muslimin sekalian,**

Antara pengajaran dan penghayatan daripada khutbah kali ini untuk dijadikan pedoman kita adalah:

1. Umat Islam hendaklah sentiasa prihatin dan mementingkan soal akidah, syariah dan akhlak dalam meneruskan kehidupan ini.
2. Umat Islam hendaklah sentiasa berusaha, berdoa dan bertawakal kepada Allah SWT untuk membantu negara dalam menangani dan melawan pandemik Covid-19.
3. Umat Islam hendaklah mengamalkan sikap prihatin dan ambil berat ke arah kebaikan kerana ia merupakan sifat yang terpuji dan sangat digalakkan dalam Islam.



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلَيَاءُ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَا  
عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَيُطْبِعُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَ  
أُولَئِكَ سَيِّرَ حُمُّمُ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ

٧٦

"Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong bagi setengahnya yang lain; mereka menyuruh berbuat kebaikan, dan melarang daripada berbuat kejahanan; dan mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat, serta taat kepada Allah dan RasulNya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah; sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana."

(al-Taubah : 71).

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ  
بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ  
تِلَاوَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.  
أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ  
الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَلِيهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ يَتَّقُوا اللَّهَ فَقْدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

**Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,**

Sekali lagi khatib ingin mengingatkan supaya sama-sama kita sentiasa bertaqwa kepada Allah SWT dengan mengawasi diri dan keluarga kita daripada perbuatan keji dan maksiat. Dalam masa yang sama kita terus berdoa agar seluruh negara kita sentiasa dirahmati dan dilindungi daripada segala bentuk ancaman serta penularan wabak Covid-19. Untuk itu terimalah dengan baik saranan pihak kerajaan supaya mendaftarkan diri kita melalui aplikasi Mysejahtera untuk mendapatkan suntikan vaksin yang telah disahkan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia.

Mudah-mudahan kita tergolong dalam kalangan hamba-hamba Allah yang bersabar ketika menempuh segala penyakit yang menimpa, berdisiplin mematuhi SOP dan tatacara amalan kebiasaan baharu untuk memerangi wabak Covid-19 demi keselamatan diri serta masyarakat.



Dalam kita berhadapan dengan wabak ini, janganlah kita mengambil jalan mudah dengan memudarat dan menyakiti diri sendiri. Kita mestilah berjiwa besar, sabar dan kuat mental serta fizikal berasaskan keimanan yang mantap.

Marilah sama-sama kita memperbanyakkan selawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW kerana perintah Allah dalam firman-Nya :

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَكَتُهُو يُصَلُّونَ عَلَى الَّذِيْ يَأْيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا

عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ٥٦

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ  
الْمُرْسَلِينَ وَارْضِ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ  
وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ  
الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ  
وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ،  
وَأَهْلِكِ الْكُفَّارَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمِرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ  
الدِّينِ. وَانْصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ  
بِاسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بِعَيْنِ



عِنَائِيْتَكَ الرَّبَّانِيَّةِ، وَبِحِفْظِ وِقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةِ  
مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانِ سلاَغُورِ، سُلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ  
ادِرِيسِ شَاهِ الحاجِ ابْنِ المَرْحُومِ سُلْطَانِ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ  
الْعَزِيزِ شَاهِ الحاجِ. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ،  
وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سلاَغُورِ، تَعْكُو أَمِيرِ  
شَاهِ إِبْنِ السُّلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادِرِيسِ شَاهِ الحاجِ، فِي  
أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَّةٍ بِمَنْكَ وَكَرْمَكَ يَا ذَالْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ.  
اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحَيْنَ لِلْمُوَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةَ وَالْبِلَادِ،  
وَبِلْغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadrat-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini.

Ya Allah, jadikanlah kami ini hamba-hamba-Mu yang sentiasa meninggikan kalimah dan Agama-Mu. Hindarilah kami dari kelompok dan golongan yang suka mencela, mencaci dan menghina Agama-Mu

Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfakkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).



اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، ادْفِعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرْضَ  
وَالشَّدَادَ وَالْمَحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ  
قَدِيرٌ وَبِإِلْجَابَةِ جَدِيرٌ.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةً أَعْيُنٍ وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَقِينَ  
إِمَاماً. رَبَّنَا عَاتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ  
النَّارِ .

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى  
وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ



فَإِذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمَتِهِ يَزِدْكُمْ،  
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا  
تَصْنَعُونَ.